

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB TUAN RAMLI BIN DATO' MOHD NOR
KAWASAN : CAMERON HIGHLANDS
TARIKH : 17 NOVEMBER 2020 (SELASA)

SOALAN NO. 19

minta **MENTERI KANAN KERJA RAYA** menyatakan adakah pihak Kementerian berhasrat untuk membaik pulih jalan yang rosak serta menaik taraf jalan utama di daerah Cameron Highlands memandangkan kawasan tersebut menjadi tempat tumpuan dan tarikan pelancong dari dalam dan luar negara serta sekaligus dapat mengelakkan kesesakan lalu lintas.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Kerja Raya sentiasa mengambil perhatian ke atas masalah kerosakan jalan Persekutuan yang berlaku di Daerah Cameron Highlands. Bagi tahun 2021, Kementerian Kerja Raya telah **merancang sebanyak 16 bilangan** kerja pembaikan jalan di bawah program penyenggaraan berkala pavemen (BP) dengan nilai keseluruhan kerja sebanyak RM7.5 juta. Kerja – kerja ini akan dilaksanakan secara Arahan Kerja (AK) kepada syarikat konsesi dan tertakluk kepada peruntukan yang diluluskan oleh Kementerian Kewangan serta senarai keutamaan kerja yang disediakan oleh Jabatan Kerja Raya berdasarkan penilaian tahap kritikal kerosakan jalan bagi keseluruhan jaringan Jalan Persekutuan di bawah seliaan Kementerian ini.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, **jumlah panjang Jalan Persekutuan di kawasan Parlimen Cameron Highlands** yang disenggara oleh syarikat konsesi adalah **sepanjang 86.86 km**. Kementerian ini telah memperuntukkan sebanyak **RM 1.8 juta setahun bagi penyenggaraan rutin** di jalan Persekutuan **kawasan Parlimen Cameron Highlands**. Kementerian ini juga telah memperuntukkan sebanyak **RM 9.8 juta bagi tahun 2018 hingga 2020** bagi kerja-kerja **penyenggaraan berkala**.

Kementerian sedang melaksanakan **Kajian Kesesakan Lalulintas Cameron Highlands, Pahang** yang dijangka siap pada September 2021 bagi mendapatkan penyelesaian untuk mengatasi kesesakan di Cameron Highland. Penilaian akan dilaksanakan untuk menentukan sama ada jajaran jalan baharu dan/atau menaik taraf jalan sedia ada diperlukan. Ini mengambil kira *return of investment* dengan izin, kepada pelaksanaan cadangan projek termasuk isu berkaitan impak alam sekitar dan juga impak sosial yang seterusnya mendatangkan manfaat kepada kerajaan dan juga rakyat.

NO SOALAN : 19

Merujuk kepada Belanjawan 2021, Kerajaan mengumumkan bakal meluluskan Projek Jalan Pintasan Cameron Highlands, Pahang dengan penekanan langkah pemuliharaan alam sekitar. Maka, hasil penemuan kajian yang dilaksanakan oleh Kementerian akan dijadikan panduan untuk kerja-kerja awalan projek tersebut.

Sekian, terima kasih.